

Bandarku Ceria kini kembali



PROGRAM Bandarku Ceria Hari Tanpa Kereta di Bandar Seri Begawan dibuka kembali setelah direhatkan sepanjang bulan Ramadan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Julai. - Program Bandarku Ceria Hari Tanpa Kereta yang diadakan setiap Ahad di ibu negara kini kembali selepas direhatkan sementara waktu sepanjang bulan Ramadan.

Walaupun masih dalam musim perayaan Aidilfitri, ibu negara tetap dikunjungi oleh orang ramai terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat bagi melakukan kegiatan riadah, terutama aktiviti berbasikal yang sentiasa dijalani pada program berkenaan.

Selain itu, beberapa peniaga kecil-kecilan dilihat sudah mula membuka gerai dan memulakan jualan mereka seawal pagi lagi.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual salah seorang pengusaha beliau dari Gerai HAQ Trilogi Seni Raqis, Dayang Nurul Amalina binti Zullkiflee, 26, bagi mengetahui perkembangan gerai jualan yang diusahakannya semenjak mula berniaga pada Program Bandarku Ceria.

"Kami mula mencuba berniaga buat kali pertama semasa program ini diadakan,

dan dari sini kami banyak belajar bagaimana untuk meningkatkan jualan," kata mahasisiwi dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali ini (UNISSA).

Beliau berharap, jualan akan lebih meriah jika ada banyak aktiviti diadakan pada Program Bandarku Ceria terutama semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke program

berkenaan.

Beliau menyarankan agar lebih banyak aktiviti keluarga diadakan, merangkumi semua peringkat umur dari kanak-kanak hingga warga emas bagi menarik lebih ramai kunjungan daripada orang ramai.

Dalam pada itu, Dayang Nurul Amalina turut berpendapat bahawa para peniaga yang lain juga perlu digalakkan untuk ikut serta dalam mempelbagaikan barang jualan pada Program

Bandarku Ceria tersebut.

"Ini termasuk jualan produk-produk buatan Brunei seperti makanan tempatan bagi menarik kunjungan lebih ramai pelancong," katanya.

Beliau telah mengusahakan gerai berkenaan bersama rakannya, Dayang Nur Atiqah binti Suimi, 27, yang juga mahasisiwi UNISSA semenjak Program Bandarku Ceria mula diadakan pada bulan Oktober yang lalu.



PENGUSAHA beliau dari Gerai HAQ Trilogi Seni Raqis, Dayang Nurul Amalina binti Zullkiflee bersama rakannya, Dayang Nur Atiqah binti Suimi, kedua-duanya mahasisiwi UNISSA menyarankan agar lebih banyak aktiviti keluarga diadakan bagi menarik orang ramai.



SUASANA Bandarku Ceria di ibu negara kelihatan lengang, selepas direhatkan selama sebulan.